

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]**  
**TARIKH : 17.6.2014**  
**SOALAN :**

**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kriteria pengambilan masuk ke kursus Matrikulasi atau Universiti memandangkan masih ramai yang mendapat keputusan SPM yang terbaik iaitu mendapat A dalam semua mata pelajaran masih tidak berjaya dalam permohonan mereka mengikuti kursus Matrikulasi atau mendapat kursus pengajian yang dipilih oleh mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Kementerian Pendidikan adalah menyediakan banyak pilihan program kepada pelajar lepasan SPM untuk melanjutkan pengajian keperingkat yang lebih tinggi seperti Program Persediaan (*foundation*, Matrikulasi, Asasi) Program Tingkatan 6, Program Peringkat Sijil (Kolej Komuniti, Politeknik, IPTS) dan Program Peringkat Diploma (Politeknik, IPTA, IPTS).

Setiap tahun terdapat peningkatan pelajar yang memperoleh keputusan cemerlang dalam SPM. Justeru, wujud persaingan yang sangat tinggi dalam kalangan pelajar cemerlang ke Program Matrikulasi dan program yang lain. Pelajar lepasan SPM ini dibenarkan memilih tempat belajar yang lebih sesuai dengan minat dan masa hadapan pelajar itu sendiri termasuklah di peringkat Matrikulasi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemilihan pelajar ke Program Matrikulasi adalah berdasarkan kriteria-kriteria tertentu seperti berikut:

- a) Hanya calon yang memohon dan melepasi syarat kelayakan minimum layak dipertimbangkan ke Program Matrikulasi;
- b) Pemilihan pelajar adalah mengikut sistem meritokrasi iaitu gabungan 90% akademik dan 10% kokurikulum [ akademik – hanya empat (4) mata pelajaran sahaja dikira dan kokurikulum – purata markah dari tingkatan satu (1) hingga tingkatan lima (5)];
- c) Jumlah pengambilan mengikut kepada 90% diperuntukkan kepada pelajar Bumiputera dan 10% kepada pelajar Bukan Bumiputera;
- d) Program Matrikulasi menawarkan dua jurusan iaitu Jurusan Sains dan Jurusan Perakaunan;
- e) Pengambilan HANYA dibuat sebanyak dua kali sahaja. Sekiranya jumlah pelajar yang mendaftar pada ambilan pertama kurang MAKA tawaran kedua dibuat berdasarkan kekosongan tempat dan jurusan untuk mencukupkan tempat yang tersedia;
- f) Tiada ambilan ketiga dibuat; dan
- g) Semua pelajar akan ditempatkan secara merata berdasarkan keseimbangan kaum dan negeri di semua kolej matrikulasi atas konsep Gagasan 1Malaysia.

Pemilihan pelajar ke IPTA pula dilaksanakan berdasarkan prinsip meritokrasi, dengan mengguna pakai 90% markah akademik dan 10% markah ko-kurikulum untuk menjana markah merit calon. Berdasarkan prinsip meritokrasi, semua pemohon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, jantina, bangsa, keturunan, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal layak dipertimbangkan untuk ditawarkan tempat di IPTA.

Penetapan merit tidak hanya melihat kepada pencapaian akademik semata-mata. Penentuan dibuat dengan mengambil kira kedua-dua elemen akademik dan kokurikulum calon untuk memastikan IPTA melahirkan graduan yang holistik.

Pemohon yang layak dan memenuhi syarat am universiti, syarat khas program pengajian serta kriteria pemilihan yang telah ditetapkan akan dipertimbangkan mengikut pilihan program pengajian yang dimohon mengikut keutamaan dan bilangan tempat yang disediakan oleh IPTA.

Selain daripada itu, proses temu duga turut dilaksanakan di IPTA bagi sesetengah program pengajian yang memerlukan kompetensi tertentu demi memastikan IPTA mendapat calon yang benar-benar berkelayakan dan memenuhi kehendak dan keperluan program pengajian berkaitan.

Sesetengah program pengajian bertemu duga mendapati pemohon gagal memenuhi kriteria yang ditetapkan untuk mengikuti program pengajian berkaitan. Sekiranya pemohon gagal dalam temu duga berkenaan, mereka masih boleh dipertimbangkan untuk ditawarkan program pengajian lain dalam pilihan mereka atau sekiranya mereka bersetuju untuk menerima tawaran selain daripada program pengajian yang dipohon, KPM akan memastikan pemohon ditawarkan program pengajian yang bersesuaian berdasarkan kelayakan dan kekosongan tempat di IPTA.

**NO. SOALAN: 17**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS [ SEPANGGAR ]**

**TARIKH : 17 JUN 2014**

**RUJUKAN : 6889**

**SOALAN:**

**Datuk Jumat bin Idris [ Sepanggar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah hasil penyiasatan pihak polis mengenai insiden kes menembak premis-premis awam di Kota Kinabalu menggunakan Air Gun baru-baru ini dan siapakah dalang yang terlibat.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pihak polis telah menjalankan siasatan berhubung dengan insiden kes menembak premis-premis awam di sekitar Kota Kinabalu dan juga Penampang menggunakan Air Gun. Sebanyak 50 laporan polis telah dibuat oleh pemilik-pemilik premis yang telah mengalami kerosakan disebabkan insiden ini. Siasatan telah dijalankan di bawah Seksyen 32 (2) Akta Senjata 1960. Pihak polis telah membuat tangkapan seramai (6) orang yang disyaki terlibat dengan kes berkenaan. Namun demikian kesemua suspek-suspek berkenaan tidak dapat dituduh kerana kekurangan bukti dan keterangan bagi mengaitkan kesemua suspek-suspek berkenaan. Kertas-kertas siasatan telah dirujuk ke Pejabat Timbalan Pendakwaraya dan siasatan masih diteruskan bagi mengesan suspek yang terlibat.**